

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L
ARULANANDRAM [KUALA LANGAT]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status sekolah rendah dan sekolah menengah yang amat diperlukan di kawasan Bandar Saujana Putra. Adakah Kementerian Pendidikan akan segerakan pembinaan sekolah rendah dan sekolah menengah di kawasan Bandar Saujana Putra.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan yang selesa kepada semua murid di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menampung keperluan pendidikan penduduk di Bandar Saujana Putra, Selangor, Projek Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Saujana Putra dan Sekolah Kebangsaan Bandar Saujana Putra, Telok Datok, Kuala Langat, Selangor telah diluluskan dalam *Rolling Plan 1* (Tahun 2016) Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11). Pelaksanaan bagi kedua-dua projek ini adalah di bawah seliaan KPM.

Bagi projek SMK Bandar Saujana Putra, skop projek melibatkan pembinaan baharu 30 bilik darjah dan kemudahan lain dengan dengan kos projek berjumlah RM38 juta. Projek ini telah dimulakan pada 5 Januari 2017 dengan tarikh asal siap 3 Januari 2019 dan telah mendapat lanjutan masa sehingga 30 September 2019. Manakala, projek SK Saujana Putra pula melibatkan pembinaan baharu 24 bilik darjah dan kemudahan lain dengan kos projek berjumlah RM28 juta. Projek ini telah dimulakan pada 11 Januari 2018 dengan tarikh asal siap 11 Julai 2019 dan telah mendapat lanjutan masa sehingga 18 Januari 2020.

Namun begitu, kontraktor bagi kedua-dua projek ini telah ditamatkan kontrak pada 20 Januari 2020, iaitu setelah pihak kontraktor mendapat Perintah Pengulungan dari Jabatan Insolvensi Malaysia. Sehingga 20 Januari 2020, kemajuan kerja-kerja pembinaan bagi projek SMK Bandar Saujana Putra adalah sebanyak 95.58% dan SK Bandar Saujana Putra pula sebanyak 45%.

Bagi memastikan projek pembinaan SMK Bandar Saujana Putra dan SK Bandar Saujana Putra disiap dan boleh beroperasi, projek ini akan ditender semula. Pada masa ini, KPM sedang memuktamadkan dokumentasi untuk tujuan tender semula projek SMK Bandar Saujana Putra dan dijangka akan diiklankan pada Disember 2020. Sekolah ini dijangka akan siap dibina pada Mac 2022. Di samping itu, KPM juga sedang memuktamadkan kos serta skop projek SK Bandar Saujana Putra dan dijangka akan ditender pada Januari 2021. Sekolah ini dijangka akan siap dibina pada bulan Ogos 2022.

KPM terus komited dan akan memantau pelaksanaan projek ini dengan rapi supaya kedua-dua projek dapat disiapkan mengikut jadual bagi memenuhi keperluan persekolahan anak-anak penduduk di Bandar Saujana Putra.

Sekian, terima kasih.